

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksanakan terhadap sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan negeri.
- Pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga perkara melibatkan empat jabatan seperti berikut:
 - Tunggakan Hasil Projek Ladang Hutan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor);
 - Pembayaran Penyenggaraan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di Kota Iskandar di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) dan Jabatan Kerja Raya Negeri Johor (Unit Senggara Aset Negeri); dan
 - Perolehan Bekalan dan Penyenggaraan di Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Mersing.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksana untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

Apa yang ditemui Audit?

- **Tunggakan Hasil Projek Ladang Hutan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor)**
 - tunggakan *tapping right* bagi tanaman getah dan kelapa sawit dari tahun 2017 hingga 2021 belum dijelaskan oleh Syarikat 702957-U berjumlah RM11.31 juta.
- **Pembayaran Penyenggaraan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di Kota Iskandar di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) dan Jabatan Kerja Raya Negeri Johor (Unit Senggara Aset Negeri)**
 - berlaku ketirisan bayaran berjumlah RM371,531.16 kerana kerja tidak dapat disahkan ketepatannya dan bukti bergambar yang dikemukakan bagi tuntutan bulan terdahulu digunakan bagi tuntutan bulan berikutnya.

- Apa yang disyorkan Audit?**
- **Perolehan Bekalan dan Penyenggaraan di Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Mersing**
 - perolehan penyenggaraan kenderaan dan bot jabatan tidak teratur berjumlah RM27,090;
 - penyenggaraan penyaman udara tidak dapat disahkan berjumlah RM17,783;
 - kerja penyenggaraan kuarters dipecah kecil berjumlah RM66,190 pada tahun 2020 dan RM58,952 pada tahun 2021; dan
 - pembayaran penuh dibuat tanpa tolakan item yang tidak dibekalkan berjumlah RM11,344.
 - **Tunggakan Hasil Projek Ladang Hutan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor)**

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor perlu mengambil tindakan seperti berikut:

 - perjanjian tambahan perlu disediakan dengan segera bagi melaksanakan kutipan tunggakan hasil bermula dari tahun 2019 sehingga terkini; dan
 - perlu mengadakan perbincangan terperinci bersama dengan Penasihat Undang-undang Kerajaan negeri untuk menyediakan perjanjian tambahan bagi menambah baik perjanjian sedia ada.
 - **Pembayaran Penyenggaraan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di Kota Iskandar di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) dan Jabatan Kerja Raya Negeri Johor (Unit Senggara Aset Negeri)**

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Unit Senggara Aset Negeri perlu mengambil tindakan seperti berikut:

 - pengesahan kerja dan dokumen sokongan pelaporan pelaksanaan hendaklah dibuat dengan teliti bagi memastikan Kerajaan memperoleh *value for money* daripada perbelanjaan yang dilakukan;
 - meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap pentadbiran kontrak kerja agar kerja yang dilaksanakan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan kepentingan Kerajaan terpelihara; dan

- latihan yang berterusan dan bersesuaian perlu diberikan kepada pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan projek kerja bagi memberikan pemahaman terhadap peraturan, proses dan kemahiran kerja.
- **Perolehan Bekalan dan Penyenggaraan di Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Mersing**

Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Mersing perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- memastikan pegawai yang bertanggungjawab menghadiri kursus yang berkaitan seperti Kursus Pengurusan Aset dan Kewangan;
- mewujudkan pengasingan tugas bagi memastikan *check and balance* dalam mengawal pengurusan kewangan dan stor;
- memastikan pegawai yang bertanggungjawab sentiasa peka dengan perubahan pekelililing/arahan/peraturan dan menggunakan pakai pekelililing/arahan/peraturan yang terkini;
- daftar aset dan stok perlu disenggara dengan lengkap dan kemas kini apabila berlaku penerimaan, pelupusan, pembaikan dan pengantian; dan
- memastikan pemantauan secara berterusan semasa kerja dilaksanakan dan pengesahan kerja dilakukan di lapangan sebelum pembayaran dijelaskan.

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

PENGENALAN

1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

2. Pada tahun 2021, tiga pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga jabatan negeri seperti dalam **Jadual 1**. Pemilihan dibuat berdasarkan terimaan dan perbelanjaan jabatan negeri yang utama dan berisiko tinggi.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2021

BIL.	TAJUK	JABATAN NEGERI
1.	Tunggakan Hasil Projek Ladang Hutan	<ul style="list-style-type: none">• Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor)
2.	Pembayaran Penyenggaraan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di Kota Iskandar	<ul style="list-style-type: none">• Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan)• Jabatan Kerja Raya Negeri Johor (Unit Senggara Aset Negeri)
3.	Perolehan Bekalan dan Penyenggaraan	<ul style="list-style-type: none">• Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Mersing

Sumber: Jabatan Audit Negara